

Barangan tiruan RM121,401 disita



AHMAD Fitri (tengah) menunjukkan jam tangan disyaki tiruan yang disita di sebuah premis di Kuantan. FOTO ASROL AWANG

Asrol Awang
am@hmetro.com.my

KEMENTERIAN Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Pahang menyita jam tangan, beg dan topi tiruan bernilai RM121,401, semalam.

Dalam serbuan di tiga premis dalam Ops Jeriji pada 3 petang, barangan itu membabitkan 3,239 unit jam tangan, selain 502 unit beg dan topi.

Ketua Pegawai Penguatkuasa KPDNHEP Pahang, Ahmad Fitri Ali berkata, serbuan dilakukan di dua premis pemborong di Jalan Mat Kilau dan Jalan Putra Square, manakala sebuah kedai jam tangan di sebuah pasar raya di Bandar Kuantan.

Menurutnya, pihaknya turut menahan lima individu terdiri tiga lelaki dan dua wanita termasuk dua warga asing berusia antara 20 hingga 53 tahun bagi membantu siasatan.

Katanya, siasatan awal mendapati kebanyakan barangan tiruan terbabit diperolehi dari Lembah Klang selepas dibawa masuk dari luar negara.

"Jam tangan tiruan terbabit dijual antara RM15 hingga RM70 seunit berbanding harga asli melebihi RM100 ke atas, manakala harga beg dan topi pula dijual antara RM15 hingga RM60 seunit.

"Siasatan juga mendapati tiga premis terbabit sudah menjalankan perniagaan antara dua hingga lapan tahun lalu sebelum diserbu," katanya pada sidang media di pejabat KPDNHEP Pahang di Kuantan, hari ini.

Katanya, kes akan disiasat mengikut Seksyen 102 (1) (b) Akta Cap Dagangan 2019.

Artikel ini disiarkan pada : Selasa, 10 Mac 2020 @ 7:20 PM